



## PLANT DOA 2020-2025

*PLANT DOA* adalah sebagai 'living document' utama Jabatan yang menggariskan tindakan menyeluruh dan bersepadu dalam menangani masalah rasuah, integriti dan tadbir urus dalam negara bagi tempoh lima tahun akan datang (2020-2025)

### 1. PERINGATAN BERHUBUNG KEPENTINGAN MELINDUNGI KERAHSIAAN MAKLUMAT KERAJAAN DARIPADA ANCAMAN KEBOCORAN



Penggunaan media sosial seperti WhatsApp, facebook, twitter dan telegram sebagai salah satu medium penyampaian dokumen dan maklumat rahsia rasmi Kerajaan merupakan kaedah yang tidak selamat serta bertentangan dengan peruntukan di perenggan 131, Arahan Keselamatan (Semakan dan Pindaan 2017).

Untuk keterangan lanjut sila rujuk surat daripada Jabatan Perdana Menteri bernombor rujukan KPKK (R) 600 – 2 Jld. 2(4) bertarikh 27 Januari 2021.

### 2. PEMANTAPAN PENGGUNAAN MEL ELEKTRONIK BAGI URUSAN RASMI JABATAN

Semua warga kerja Jabatan Pertanian adalah dipohon untuk menggunakan e-mel rasmi jabatan iaitu [xxx@doa.gov.my](mailto:xxx@doa.gov.my) bagi tujuan menghantar semua urusan rasmi, surat menyurat, penghantaran dokumen dan sebagainya.

Untuk keterangan lanjut sila rujuk surat daripada Ketua Pengarah Pertanian bernombor rujukan JP.KPP.100-9/1/1/2 Jld.6 (96) bertarikh 15 April 2021 dan Pekeliling Kemajuan Pentadbiran Awam Bilangan 1 Tahun 2003 – Garis Panduan Mengenai Tatacara Penggunaan Internet dan Mel Elektronik di Agensi-Agensi Kerajaan.



Kursus Kesedaran Keselamatan Perlindungan anjuran Unit Integriti Jabatan Pertanian secara atas talian (online) untuk pegawai dan kakitangan Jabatan Pertanian pada 2-3 Mac 2021 di Bilik Mesyuarat Bunga Raya, Aras 16, Jabatan Pertanian, Putrajaya.

### 4. PEMATUHAN KEPADA PENGELUARAN PESANAN TEMPATAN

Mengikut Arahan Perbendaharaan 176.1, Pesanan Tempatan (LO) perlu dikeluarkan terlebih dahulu sebelum sesuatu bekalan atau perkhidmatan dilaksanakan.

Setiap Bahagian/Unit perlu mengemukakan dokumen lengkap ke Seksyen Kewangan (Unit Perolehan) untuk tujuan pengeluaran LO selewat-lewatnya 3 hari sebelum program/mesyuarat.

Untuk keterangan lanjut sila rujuk memo daripada Bahagian Khidmat Pengurusan bernombor rujukan JP.BK.400-1/2/2(11) bertarikh 16 Mac 2021.

### 3. PENDAFTARAN PROGRAM IMUNISASI COVID-19 KEBANGSAAN

Pegawai Perkhidmatan Awam diminta **SEGERA MENDAFTAR** sertai Program Imunisasi COVID-19 Kebangsaan.

Bersama kita jayakan matlamat membentuk imuniti kelompok dan hentikan penularan wabak COVID-19.

Saluran Pendaftaran :

1. Aplikasi **MySejahtera**
2. Laman web [www.vaksinCovid.gov.my](http://www.vaksinCovid.gov.my)
3. Talian **hotline 1800-88-828**
4. Program bantuan (*outreach*) bagi kawasan luar bandar dan pedalaman

Rujukan : Surat Edaran JPA.BK(S)256/6/36 Jld. 11(19) bertarikh 5 Mac 2021



Bengkel Semakan Draf Buku Panduan Mengurus dan Melaporkan Tindakan Tatatertib Jabatan Pertanian pada 11 Mac 2021 di Bilik Bougainvillea, Aras 14, Jabatan Pertanian, Putrajaya



Program Pengukuhan Integriti Jabatan Pertanian Peringkat Zon Timur Tahun 2021 pada 31 Mac 2021 di Bilik AgriStat, Aras 15, Jabatan Pertanian Putrajaya.